

---

---

## Zon sesar di Genting Peras

ZAITON HARUN  
Jabatan Geologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi

Alexander (1968), Shu (1969, 1971) pernah melaporkan kehadiran sesar Bukit Tinggi dan sesar Kuala Lumpur di Selangor dan Negeri Sembilan. Di Genting Peras (di sempadan Negeri Sembilan - Selangor) suatu singkapan yang mengandungi kedua-dua sesar tersebut dan sesar Peras memotong batuan syis.

Sesar Peras berjurur UBL ditafsirkan sebagai sesar mendatar ke kanan, manakala sesar Bukit Tinggi berjurur BL dan sesar Kuala Lumpur berjurur BBL sebagai sesar mendatar ke kiri. Sesar Peras ditafsir mewakili jalur sesar tertua akibat tegasan hampir U-S. Tegasan yang bertindak dalam julat arah TTC hingga TTL menggerakkan sesar Bukit Tinggi dan sesar Kuala Lumpur. Tegasan termuda bertindak dalam julat arah  $350^\circ$  - UTL telah mencergaskan semula sesar-sesar berjurur BL hingga U-S.